

MERANTAU : POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI
1996

MERANTAU: POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA KETURUNAN
MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1996

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24.5.96
TARIKH


MIR AZRI SHAHARUDIN

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam. Selamat dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana atas kehendak dan keizinanNya dapat saya menyempurnakan latihan ilmiah ini dengan sewajarnya.

Menerusi ruangan yang terbatas ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada En.Lokman Zen, yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar yang tidak ternilai dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini.

Kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada responden-responden yang telah memberikan pandangan, maklumat dan bahan-bahan kajian untuk menjayakan penyelenggaraan latihan ilmiah ini.

Akhirnya penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan As, Manaf, Gee, Waha dan semua rakan-rakan sesi 1992-1996. Jasa baik dan suka duka yang kita alami akan tetap dalam kenangan. Semoga Allah s.w.t membalas jasa dan pengorbanan yang telah kalian curahkan.

Wasalam.

Mir Azri b. Shaharudin,
Jabatan Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
UKM,
Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Merantau merupakan salah satu daripada tradisi masyarakat Minangkabau di Sumatera. Malah, ianya dianggap sebagai suatu budaya yang perlu diamalkan dalam masyarakat Minangkabau. Sebagai suatu budaya yang terus-menerus diamalkan, ianya telah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Sudah berabad-abad lamanya masyarakat Minangkabau melakukan kegiatan merantau sehinggalah abad yang ke 20 ini, khususnya ke Malaysia. Justeru itu, untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai kegiatan merantau ini, kajian telah dibuat dengan melihat aspek-aspek penting, antaranya latar belakang masyarakat Minangkabau di Sumatera, sejarah awalnya merantau ke Malaysia, sebab-sebab merantau dan kehidupan para-perantau di Malaysia. Akhir sekali pengkaji akan membuat rumusan terhadap kegiatan merantau di kalangan masyarakat Minangkabau. Pengkaji telah mendapatkan cerita-cerita lisan daripada beberapa orang informan bagi mendapatkan gambaran mengenai pengalaman mereka semasa merantau ke Malaysia. Secara keseluruhannya, berdasarkan sumber-sumber dan cerita-cerita lisan, menunjukkan bahawa merantau di kalangan masyarakat Minangkabau tetap terus berlaku pada akhir abad ke 20 ini. Merantau adalah suatu fenomena sosial yang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Minangkabau. Malah, merantau merupakan jalan terbaik bagi mencapai kemajuan diri bagi individu yang berketurunan Minangkabau.

Isi Kandungan

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
Pengenalan	x
BAB 1 LATAR BELAKANG MASYARAKAT MINANGKABAU	
1.1 Asal Usul Minangkabau	1
1.2 Kedudukan negeri Minangkabau	2
1.3 Struktur Sosial di Minangkabau	7
1.3.1 Aspek Pemerintahan	7
1.3.2 Suku dan keluarga dalam masyarakat Minangkabau	9
1.3.3 Mamak dan kemenakan	13
1.3.4 Alim Ulama	19
1.3.5 Kegiatan ekonomi masyarakat Minangkabau	22
1.4 Kesimpulan	24
BAB 2 SEJARAH KEDATANGAN ORANG-ORANG MINANGKABAU KE MALAYSIA	
2.1 Sejarah Merantau Orang-Orang Minangkabau	25
2.2 Perkembangan Melaka Sebagai Pusat Perdagangan	26

2.3 Kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan	30
2.4 Perkembangan Kekuasaan di Luar Daerah Asal	32
2.5 Kedatangan Orang-Orang Minangkabau Pada Abad ke 19 dan 20	35
2.6 Kesimpulan	44

BAB 3 SEBAB-SEBAB ORANG-ORANG MINANGKABAU MERANTAU

3.1 Pendahuluan	45
3.2 Faktor Kedudukan Sumatera Barat yang Jauh Dari Laluan Perdagangan	46
3.3 Faktor Ekonomi	48
3.4 Faktor Sosial	52
3.5 Faktor Politik	57
3.6 Tarikan hidup di Tanah Melayu	62
3.7 Kesimpulan	65

BAB 4 KEHIDUPAN ORANG-ORANG MINANGKABAU DI MALAYSIA

4.1 Pengenalan	66
4.2 Bila Merantau ke Malaysia	67
4.3 Jenis Pekerjaan	69
4.4 Proses Penyesuaian di Malaysia	73
4.5 Status Perkahwinan Para-Perantau	76
4.6 Hubungan dengan Kampung	79
4.7 Kesimpulan	83

BAB 5 KESIMPULAN

84

RUJUKAN

GLOSARI

SENARAI RESPONDEN

SENARAI PETA

1. Peta Sumatera Barat	4
2. Peta Minangkabau dan Rantau	5

SENARAI JADUAL

1. Penyebaran Orang Sumatera di Malaya 1931-1947	39
2. Imigran Indonesia Yang Tiba Pertama Kali di Malaya	40
3. Jumlah Orang Indonesia Mengikut Etnis di Malaya 1911-1947	41

SENARAI SINGKATAN

JMBRAS Journal of Malaya Branch Royal Asiatic Society

SSF Selangor State Files.

PENGENALAN

(i). Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat fenomena merantau yang wujud di kalangan masyarakat Minangkabau ke Malaysia. Merantau adalah suatu ciri yang penting dalam masyarakat Minangkabau. Namun begitu belum ada kajian yang menyeluruh tentang aspek kehidupan masyarakat Minangkabau terutamanya tentang aspek merantau. Justeru itu, perlunya satu kajian yang mendalam tentang merantau bagi mencari sebab akibat berlakunya kegiatan merantau di kalangan orang-orang minangkabau khususnya di Malaysia.

Memang diakui bahawa migrasi penduduk keturunan Indonesia ke Malaysia tetap terus berlaku sehingga sekarang. Gerakan perpindahan penduduk keturunan Indonesia tetap terus berlaku semenjak turun temurun lagi. Orang Minangkabau termasuk di dalam kelompok yang banyak bergerak terutama sekali ke Malaysia.

Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai kegiatan merantau yang sudah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Justeru itu, pengertian dan memahami mengenai tradisi merantau amatlah perlu bagi mencari jawapan mengenai kegiatan tersebut.

Apatah lagi dengan tradisi merantau itu yang di anggap sangat istimewa dalam masyarakat Minangkabau. Sesungguhnya, kajian mengenai merantau ini akan cuba mengenali tradisi merantau itu dengan lebih mendalam lagi.

(ii). Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini terletak kepada hakikat bahawa selama ini, sepanjang pengetahuan penulis, merantau khususnya ke Malaysia, tidak mendapat perhatian yang secukupnya daripada para-pengkaji. Seminar tentang sejarah dan kebudayaan Minangkabau yang dilaksanakan di Batu Sangkar (bekas pusat kerajaan Pagarruyung) di tahun 1970, menyimpulkan bahawa pengkajian yang mendalam tentang merantau yang sifatnya lebih sistematik perlunya diadakan bagi mencari sebab akibat dari gejala ini.¹

Adalah dipercayai bahawa kajian serupa ini akan menimbulkan semula perhatian dan kesedaran tentang tradisi merantau yang merupakan budaya yang cukup terkenal di kalangan masyarakat Minangkabau.

Seterusnya, kajian ini akan dapat mengenali budaya merantau yang telah wujud sejak turun-temurun sehingga diwarisi oleh masyarakat Minangkabau sehingga ke hari ini. Adalah menjadi harapan, bahawa tafsiran terhadap merantau di kalangan masyarakat Minangkabau akan membolehkan kita mengenali lebih dekat lagi akan istilah merantau itu sendiri.

¹ Lihat kumpulan Hasil-Hasil Seminar, Himpunan Prasaran dan Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan, Jilid 5, disusun oleh Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.

(iii) Metodologi Kajian.

Pengkaji akan mengeksplikasikan melalui kajian perpustakaan, temubual dan juga pemerhatian ikut serta. Sebagai langkah awal, pengkaji akan mendapatkan sumber dan bahan bertulis yang terdapat di Perpustakaan. Segala maklumat bertulis yang berkaitan dengan kajian cukup penting sebelum turun ke lapangan. Antaranya ialah dari segi definasi, skop kajian, sebab-sebab merantau dan kaedah penyelidikan.

Kaedah temubual dan wawancara turut digunakan bagi tujuan memperolehi maklumat terperinci ini daripada sumber utama. Pengkaji akan menemui beberapa orang perantau dari Sumatera yang telah menetap di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini menggunakan sumber lisan sebagai bahan kajian. Walaupun fakta yang diperolehi nanti berbentuk tulisan, namun pengkaji berpendapat sumber ini masih penting. Prof. Khoo Kay Kim mengatakan ;

...beberapa aspek sejarah kita yang tidak didokumenkan.
Maka sewajarnya, kita perlu bergantung kepada bahan-bahan lisan².

Kewajaran untuk menggunakan bahan lisan kemungkinan boleh dipersoalkan.³

Namun begitu, untuk memperolehi bahan-bahan penting yang tidak terdapat dalam mana-mana rekod atau kajian lepas, bahan lisan adalah jalan keluar bagi menjayakan kajian ini.

² Khoo Kay Kim, Sejarah Tempatan, Penyelidikan, Bil 1, Oktober 1972, hlm., 104.

³ Untuk melihat kelemahan penggunaan bahan lisan sila rujuk Mohd Amin Hasan, Tradisi Lisan, Sejarah Lisan : Dalam usaha Mengkaji Sejarah Lisan Tanahair Kita, Mohd Taib Osman, (Peny), Tradisi Lisan di Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1975, hlm., 167-168.

Manakala bahan-bahan sejarah pula ialah satu cara untuk menambahkan bahan-bahan selain dari rekod-rekod bertulis.

Maklumat yang diperolehi dari responden-responden adalah penting kerana mereka merupakan golongan yang benar-benar terlibat dalam aktiviti merantau. Maklumat yang diperolehi adalah hasil pengalaman serta penglibatan mereka semasa mereka merantau ke Malaysia.

(iv) Masalah Kajian.

Dalam usaha menyelenggarakan latihan ilmiah ini, pengkaji menghadapi pelbagai masalah. Masalah yang terbesar ialah kekurangan bahan-bahan atau yang dapat dijadikan bahan kajian. Kajian mengenai merantau terutamanya di kalangan masyarakat Minangkabau adalah terlalu kurang. Ketiadaan kajian-kajian yang terdahulu khususnya dalam bidang ini, sedikit sebanyak mendatangkan kesan yang negatif kepada kajian yang diusahakan oleh pengkaji.

Sebagai jalan keluar, penulis menggunakan teknik wawancara atau temubual beberapa orang perantau keturunan Minangkabau yang telah mengalami dan mengharungi proses merantau ke Malaysia. Kebanyakan daripada mereka berumur dua puluhan hingga enampuluhan. Namun begitu, ada di antara para-perantau yang berketurunan Minangkabau tidak dapat mengingat dengan jelas mereka mula sampai ke Malaysia. Keadaan ini adalah

disebabkan oleh faktor umur yang terlalu muda semasa merantau ke Malaysia iaitu antara dua hingga sepuluh tahun. Ada juga di antara para-perantau yang tidak mahu ditemubual dan memberi maklumat kerana bimbang fakta yang diberikan nanti akan memberi kesan yang negatif terhadap masyarakat Minangkabau itu sendiri.

Justeru itu, hanyalah golongan perantau yang berumur antara tiga puluhan hingga enampuluhan yang sanggup memberikan maklumat berkenaan dengan tradisi merantau dan menceritakan pengalaman diri mereka kepada pengkaji. Keadaan ini adalah disebabkan oleh nostalgia lama oleh mereka yang berumur enampuluhan untuk dikongsi bersama oleh pengkaji. Tambahan pula para-perantau tersebut merasa gembira dan seronok tinggal di Malaysia.

Walaupun pengkaji menghadapi masalah seperti yang telah disebutkan di atas, pengkaji tetap berusaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan terutama sekali dalam kajian berkenaan dengan proses kedatangan orang-orang Indonesia keturunan Minangkabau ke Malaysia.

(iv) Definasi Merantau

Merantau adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang sama dengan pemakaian dengan kata akar “rantau” .⁴ Rantau menurut Winstedt⁵, Iskandar,⁶ dan

⁴ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1984, hlm. 2.

⁵ R.O. Winstedt, Kamus Bahasa Melayu, Singapore, 1960, dibawah kata “rantau”.

⁶ Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1970, hlm. 931.

Purwadarminta⁷ ialah kata benda yang bererti dataran rendah atau daerah aliran aliran sungai, jadi biasanya terletak dekat ke atau bahagian dari daerah pesisir.⁸ Merantau ialah kata kerja yang berawalan “me” yang bererti pergi ke rantau.⁹

Istilah merantau dari segi sosiologi mengandungi 6 unsur pokok iaitu¹⁰:

1. Meninggalkan kampung halaman.
2. Dengan kemahuan sendiri.
3. Untuk jangka waktu lama atau tidak.
4. Dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman.
5. Biasanya dengan maksud kembali pulang.
6. Merantau ialah lembaga sosial yang membudaya.

Pada awalnya, merantau adalah dianggap hanya meninggalkan kampung halaman sahaja. Keadaan ini boleh dilihat melalui percakapan yang bermaksud pergi ke kota yang dekat sahaja.¹¹ Pada masa itu, wilayah Minangkabau hanyalah terbatas kepada Luhak nan Tigo, pergi ke pantai timur atau ke pantai barat sudah dianggap merantau.¹²

Namun begitu, Sumatera Barat, dari sudut politik dan budayanya telah menjadi satu wilayah dan penduduknya tidak lagi menganggap dirinya terbahagi kepada sub-kelompok. Justeru itu, sudah menjadi kebiasaan “kata merantau” digunakan untuk pergi ke luar Sumatera.¹³

⁷ W. J. S Purwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Balai Pustaka, Jakarta, 1966, Bhg. II, hlm., 125.

⁸ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm., 2.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid, hlm., 3.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

Malah merantau adalah dianggap sebagai satu sifat yang sudah menjadi darah daging orang Minangkabau. Ada adat perbilangan yang menggambarkan kecenderungan orang-orang Minangkabau untuk pergi mengadu nasib ke daerah-daerah yang jauh iaitu;

“Kerantau matang di hulu, berbunga buah belum,
Kerantau bujang dahulu, di kampung berguna belum.”¹⁴

Orang-orang Minangkabau merantau ke merata tempat dan negeri sepanjang masa dan tidak henti-hentinya. Biasanya tenaga muda sahaja yang berani pergi merantau. Mereka inilah yang tidak gentar menghadapi bahaya dan cabaran-cabaran dalam perjalanan yang jauh lagi berat.¹⁵

Golongan perantau mempunyai keberanian menghadapi segala macam kesusahan di tempat atau di daerah yang mereka datangi, harus giat berusaha dan berjimat hingga berjaya mencapai satu peringkat hidup yang memuaskan hati mereka. Mereka yang pergi merantau adalah putera-putera daerah yang terbaik.¹⁶ Hanya sedikit sahaja bilangan mereka yang pulang balik ke kampung. Bilangan yang besar menetap di rantau, oleh itu mereka itu dipanggil “merantau Cina”.¹⁷ Walaupun begitu, golongan perantau itu tidak pernah lupa saudara mara dan kampung halaman.

¹⁴ Mohd Dahlan Mansoer, Minangkabau dan Negeri Sembilan dalam Kertas Kerja Adat Perpatih dan Negeri Sembilan. Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan. 10-12 April 1974. Seremban: Majlis Belia Negeri Sembilan.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

Keadaan ini dapat dilihat melalui nyanyian berhibah-hiba iaitu:

Bila hari sudah senja
Dagang berurai air mata,
awan berarak ditangisi
Den takana jo kampung.¹⁸

Justeru itu dapatlah dianggap bahawa merantau adalah salah satu keistimewaan yang ada dalam masyarakat Minangkabau. Orang-orang muda digalakkan merantau untuk kemajuan diri mereka sendiri. Malah banyak perbilangan yang menyuruh sekaligus mendorong orang-orang Minangkabau pergi merantau. Merantau dianggap sebagai suatu budaya dan tempat yang hendak tujui adalah tidak terbatas sama ada di dalam Sumatera mahupun di luar Sumatera sendiri. Hamka pernah berkata bahawa orang Minang adalah orang perantau.¹⁹

Mereka yang tinggal dikampung dikatakan tidak mendapat jalan keluar. Sebaliknya, pengaruh merantau dalam masyarakat Minangkabau dapat dilihat kepada kenyataan Hamka bahawa hampir separuh anak Minangkabau telah merantau meninggalkan negerinya dan tersebar pula ke seluruh Pulau Sumatera dan menerobos ke Pulau Jawa dan negeri-negeri yang lain.²⁰

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Hamka, Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi, Penerbit Tekad, Jakarta, 1963, hlm., 2

²⁰ Ibid, hlm., 88.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa merantau adalah pergi meninggalkan kampung halaman menuju ke tempat yang baru. Justeru itu, merantau adalah salah satu sifat yang cukup istimewa yang ada pada diri orang-orang Minangkabau.

BAB 4

BAB 4

ORANG-ORANG MINANGKABAU DI MALAYSIA

4.1 Pengenalan

Alfred Sauvy telah memberikan tiga peringkat penting perkembangan masyarakat penghijrah iaitu penempatan, penyesuaian dan Asimilasi Penuh.¹ Bagi mencapai suatu peringkat asimilasi penuh, adalah memakan masa yang panjang dan biasanya melalui beberapa keturunan. Keadaan ini adalah kerana asimilasi yang baik adalah melalui proses yang perlahan yang sukar dan menyakitkan.²

¹ Sauvy, General Theory of Population, hlm. 460-461.

² Smith & Zopf, Demography, hlm. 452. Lihat juga Wertheim, "Sociological Aspect of Inter-Island Migration in Indonesia", hlm. 195-196.

Justeru itu, dalam bab ini akan cuba memperlihatkan kehidupan para-perantau Minangkabau dan corak kehidupan serta cara mereka menyesuaikan diri dengan keadaan hidup di Malaysia.

4.2 Bila Merantau ke Malaysia.

Kebanyakan para-perantau yang ditemui menyatakan bahawa mereka merantau dalam usia yang masih belasan tahun atau awal dua puluhan. Menurut Mardjohan b. Mohd Shariff³, beliau mula merantau ke Malaysia semasa berumur 8 tahun ke Grik, Perak mengikut ayahnya yang juga seorang perantau. Begitu juga dengan Zulkhairi b. Mohd Lubis⁴ yang mula merantau ke Malaysia semasa berumur 11 tahun ke Kuala Lumpur dan mengikuti ayahnya pada tahun 1981. Sementara Mohd Nor b. Jelahab pula, mula merantau ke Malaysia pada usia 17 tahun ke Tanah Melayu ketika itu pada tahun 1947 seorang diri.⁵

Namun begitu ada juga di antara para-perantau yang sudah berumur semasa merantau ke Malaysia. Misalnya, Abdul Ghaffar Shafie yang telah sampai ke Malaysia dalam usia 49 tahun pada 1980⁶. Begitu juga dengan Hassan Basri b. Deraman yang merantau ke Malaysia dalam usia 35 tahun pada tahun 1983. Manakala Andi Kurniawan b.

³ Temubual pada 14.4.96.

⁴ Temubual pada 15.4.96.

⁵ Temubual pada 13.4.96.

⁶ Temubual pada 15.4.96.

Shamsul Bahri⁷ dan Mazwar b. Abu Haq⁸ pula mula merantau ke Malaysia semasa berumur 22 tahun. Justeru itu, para-perantau mula merantau ke Malaysia dalam pelbagai peringkat umur. Malah meliputi umur empat puluhan pun, masih lagi menanam minat untuk pergi merantau ke Malaysia.

Namun begitu, kebanyakan para-perantau telah merantau ke tempat lain di Sumatera sebelum merantau ke Malaysia. Misalnya, menurut Abdul Ghaffar b. Shafie⁹, sebelum ke Malaysia beliau pernah merantau ke Pekan Baru, Bangkinang, Jakarta dan Padang. Malah ayah beliau sendiri pernah merantau ke Singapura.

Hal yang sama juga berlaku kepada Azwir b. Saini¹⁰ yang telah merantau ke Jambi, Palembang, Medan, Jakarta dan beberapa daerah di Sumatera sebelum merantau ke Malaysia. Begitu juga dengan Hassan Basri b. Deraman¹¹ yang pernah merantau ke Pekan Baru, Dumai dan Medan sebelum memulakan langkah merantau ke Malaysia.

Kedadaan ini menggambarkan bahawa orang Minangkabau pergi merantau ke mana-mana sahaja sebelum datang ke Malaysia. Sebelum Malaysia menjadi destinasi yang terakhir, ramai orang-orang Minangkabau telah pergi merantau ke daerah-daerah lain di Sumatera Barat sebelum sampai ke Malaysia. Justeru itu, para-perantau sudah mempunyai pengalaman yang tersendiri sebelum sampai ke Malaysia.

⁷ Temubual pada 14.4.96

⁸ Temubual pada 16.4.96.

⁹ Temubual pada 15.9.96

¹⁰ Temubual pada 17.4.96.

¹¹ Temubual pada 17.4.96.

4.3 Jenis Pekerjaan

Menurut Azwir b. Saini,¹² beliau lebih suka memilih pekerjaan sendiri sebagai peniaga nasi campur. Minatnya terhadap perniagaan amatlah mendalam dan menganggap kemahuannya untuk berniaga amatlah kuat. Semasa mula sampai ke Malaysia, beliau pernah bekerja sebagai pekerja di kedai kepunyaan abangnya yang membuka perniagaan kedai makan di Pasar Keramat. Sekarang, beliau menjalankan perniagaan nasi campur dengan menyewa kedai di Keramat.

Bagi Mohd Nor b. Jelahab¹³ pula, beliau lebih suka menceburkan diri di dalam bidang perniagaan. Justeru itu, beliau membuka kedai jahitan dan membuat songkok. Malah, sebelum datang ke Malaysia beliau telah menjalankan pelbagai jenis perniagaan seperti menjual beras, ayam, membuka kedai runcit, kelapa, cili dan sebagainya semasa di perantauan. Sehubungan dengan itu, minat perniagaan sudah tertanam dalam dirinya dan menjadi sehati dengan dirinya.

Jiwa berniaga dan tidak mahu bekerja makan gaji mendorong Mardjohan b. Shariff¹⁴ menjalankan perniagaan sendiri. Beliau membuka kedai jahitan di Pasar Dato' Keramat. Malah, sebelum merantau ke Malaysia, beliau telah menjalankan perniagaan

¹² Temubual pada 17.4.96.

¹³ Temubual pada 13.4.96.

¹⁴ Temubual pada 14.4.96.

sendiri dengan membuka kedai jahit di Medan. Kedai jahitnya di Medan telah diuruskan oleh anaknya di Medan.

Walaupun terpaksa di kaki-kaki lima, namun disebabkan oleh minat berniaga yang mendalam dalam diri menyebabkan Hassan Basri b. Deraman¹⁵ sanggup menjadi tukang kasut di kaki-kaki lima di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Pekerjaan tukang kasut telah beliau jalankan semenjak sampai ke Malaysia pada tahun 1983 lagi.

Sementara Nurdin b. Borhan¹⁶ pula, pernah bekerja sebagai di ladang kelapa sawit kepunyaan Lembaga Tabung Haji di Segamat, Johor sewaktu tiba di Malaysia. Namun begitu, beliau hanya sempat bekerja selama 3 bulan sahaja kerana tidak tahan dengan kerja-kerja tersebut. Justeru itu, beliau pun menukar kerja kepada tukang jahit di Melaka, di kedai milik rakannya. Sebelum membuka perniagaan sendiri, beliau bekerja sebagai tukang jahit di Wisma Yakin, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Justeru itu, boleh dikatakan bahawa kebanyakan para-perantau Minangkabau lebih suka bekerja sendiri dan tidak suka bekerja di bawah orang lain. Perantau-perantau Minangkabau di Malaysia akan bekerja dengan sanak-saudara dahulu sebelum membuka perniagaan sendiri di Malaysia. Ada juga di antara mereka yang datang ke Malaysia untuk membantu menjalankan perniagaan saudara-maranya.

¹⁵ Temubual pada 17.4.96.

¹⁶ Temubual pada 13.4.96.

Keadaan ini berlaku kepada Mazwar b. Abu Haq¹⁷ yang datang ke Malaysia pada tahun 1988 bagi membantu perniagaan kakaknya di Aged Chow Kit di Kuala Lumpur. Kedatangan beliau ke Kuala Lumpur adalah atas jemputan kakaknya yang terlebih dahulu merantau ke Malaysia.

Penglibatan orang-orang Minangkabau dalam bidang perniagaan merupakan antara ciri orang-orang Minangkabau di Malaysia. Perniagaan sendiri yang dilakukan walaupun dalam umur yang masih muda menampakkan bahawa orang-orang Minangkabau di perantauan mempunyai kecenderungan untuk memilih pekerjaan yang ada kaitannya dengan bidang perniagaan.

Keadaan ini dapat dilihat kepada Mohd Anuar b. Haji Shulan¹⁸ yang menjalankan perniagaan kedai emas dalam usia yang cukup muda. Beliau yang berumur 30 tahun sudah berkemampuan membuka perniagaan pertukangan emas dengan mempunyai tiga orang pekerja di Pasar Datuk Keramat.

Sementara bagi orang-orang Minangkabau yang baru sampai ke Malaysia dan belum mampu untuk membuka perniagaan sendiri pula akan bekerja mencari pekerjaan sama ada di kedai-kedai milik orang-orang Minangkabau atau rakyat Malaysia. Misalnya, John Ariff b. Hussein¹⁹ yang sampai di Malaysia pada tahun 1990 bekerja sebagai pembantu kedai di Kampung Bharu, Kuala Lumpur. Beliau bekerja di kedai milik orang-

¹⁷ Temubual pada 16.4.96

¹⁸ Temubual pada 17.4.96.

¹⁹ Temubual pada 14.4.96.

orang Minangkabau. Keadaan yang sama juga berlaku kepada Sukardi b. Sukan²⁰ yang bekerja sebagai pekerja kedai makan di Pasar Datuk Keramat semasa mula sampai ke Malaysia pada tahun 1990. Selepas itu, beliau menukar kerja sebagai tukang jahit di Taman Keramat, Ampang.

Justeru itu, boleh dikatakan bahawa kebanyakan orang-orang Minangkabau yang merantau ke Malaysia telah melakukan banyak pekerjaan sebelum dapat menjalankan perniagaan sendiri. Perniagaan yang mereka jalankan itu menampakkan sikap orang-orang Minangkabau yang amat suka melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Malah, menurut Mohd Lubis Minang, orang-orang Minangkabau akan cuba untuk menghindarkan diri bekerja sebagai buruh kasar.²¹ Sebaliknya, mereka lebih suka bekerja yang boleh mendatangkan keuntungan kepada diri mereka. Justeru itulah, bidang perniagaan merupakan antara pekerjaan yang paling disukai oleh orang-orang Minangkabau.

Sehubungan dengan itu, boleh dikatakan orang-orang Minangkabau di perantauan telah melakukan banyak pekerjaan bagi meneruskan hidup di perantauan. Namun begitu, bidang perniagaan merupakan antara bidang yang banyak diceburi oleh orang-orang Minangkabau berbanding dengan pekerjaan yang lain.

²⁰ Temubual pada 17.4.96.

²¹ Temubual pada 17.4.96.

4.4 Proses Penyesuaian di Malaysia.

Orang-orang Minangkabau yang merantau ke Malaysia tidak menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat Malaysia. Menurut Mohd Nor b. Jelahab²², beliau tidak menghadapi masalah langsung untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat Malaysia. Keadaan bahasa yang hampir sama dan suasana persekitaran yang tidak jauh berbeza dengan Sumatera Barat adalah antara sebab beliau tidak merasa asing di Malaysia.

Menurut beliau lagi, beliau mempunyai emak angkat berketurunan Minangkabau sewaktu beliau mula tiba di Malaysia. Beliau juga mempunyai bapa angkat yang mengajar beliau selok belok tentang jahitan semasa datang ke Tanah Melayu pada tahun 1947. Justeru itu, proses penyesuaian beliau dengan alam yang baru di Malaysia menjadi begitu mudah sekali.

Begitu juga dengan Mohd Zubir Minang²³, yang menekankan betapa pentingnya pergaulan yang baik dengan orang-orang Melayu di Malaysia. Pergaulan yang baik dan menjalin persahabatan dengan ramai orang-orang Melayu menyebabkan dia mudah diterima oleh masyarakat di sekitar Pasar Keramat. Beliau sama sekali tidak suka mencari musuh dan sentiasa mematuhi undang-undang Malaysia. Menurutnyanya lagi, orang-orang

²² Temubual pada 13.4.96.

²³ Temubual pada 17.4.96.

Minangkabau boleh menyesuaikan diri dengan begitu cepat sekali dan boleh menguasai bahasa Melayu dengan jangka yang amat singkat sekali.

Azwir b. Saini²⁴ juga menganggap suasana yang hampir sama dengan keadaan di Sumatera menyebabkan beliau tidak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan rakyat Malaysia. Bahasa yang digunakan hampir serupa menyebabkan proses penyesuaian di Malaysia terutama sekali untuk menjalin perhubungan dengan orang-orang Melayu.

Beliau yang merantau seorang diri ke Malaysia pada tahun 1981, menganggap bahawa orang-orang Melayu dan Minangkabau adalah serumpun. Perkara yang sama juga terjadi kepada Mardjohan b. Mohd Shariff²⁵ yang tidak merasa asing di Malaysia.

Beliau yang merasakan tergolong dalam rumpun Melayu dan menganggap bahawa semua orang-orang Melayu di Malaysia adalah berasal dari Sumatera. Proses penyesuaian diri menjadi lebih mudah apabila beliau menjalin perhubungan dengan masyarakat Melayu di sekelilingnya dan menekankan betapa pentingnya mempunyai ramai kenalan.

Peranan saudara-mara juga penting dalam proses penyesuaian diri di Malaysia. Misalnya, menurut Abdul Ghaffar b. Shafie²⁶, apabila beliau datang ke Malaysia dia menginap di rumah saudaranya di Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Begitu juga dengan Azwir b. Saini²⁷ yang melalui pertolongan abang beliau yang terlebih dahulu merantau ke

²⁴ Temubual pada 13.4.96.

²⁵ Temubual pada 17.4.96.

²⁶ Temubual pada 15.4.96.

²⁷ Temubual pada 13.4.96.

Malaysia telah memberikan bantuan kepada Azwir b. Saini untuk bekerja di kedai milik abangnya di Pasar Datuk Keramat.

Bantuan dan pertolongan daripada kaum keluarga juga terjadi kepada Hasan Basri b. Deraman²⁸. Menurutny, beliau mempunyai ramai saudara-mara di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Justeru itu, beliau tidak menghadapi masalah apabila mula-mula sampai dari Sumatera kerana banyak bantuan daripada sanak-saudara semasa mula merantau ke Malaysia.

Situasi yang sama juga berlaku kepada Mardjohan b. Shariff²⁹ yang kedatangannya itu telah disambut oleh anak buahnya yang tinggal di Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur. Malah di rumah saudaranya itu, beliau menetap di Malaysia sebelum berjaya membuka perniagaannya sendiri di Pasar Datuk Keramat.

Justeru itu, peranan saudara-mara amat penting dalam proses kehadiran dan penyesuaian diri di Malaysia. Selain daripada pandai bergaul dengan orang-orang Melayu, orang-orang Minangkabau menggunakan peranan saudara-mara yang telah sampai terlebih dahulu ke Malaysia. Ada juga yang mencari bapak angkat dan ibu angkat bagi memudahkan lagi penyesuaian diri dengan keadaan di Malaysia.

²⁸ Temubual pada 17.4.96.

²⁹ Temubual pada 14.4.96.

Melalui peranan saudara-mara ini, dapatlah mereka tumpang berlindung sebelum berjaya memperolehi pekerjaan yang baik atau menjalankan perniagaan yang baik. Apabila orang-orang Minangkabau berjaya memperolehi kedudukan yang baik maka mereka akan berdikari dan tidaklah perlu bantuan daripada pihak saudara-mara mereka.

4.5 Status Perkahwinan Para-Perantau.

Ada di antara para-perantau yang melangsungkan perkahwinan mereka di Malaysia. Misalnya, menurut Mohd Nor b. Jelahab³⁰, beliau berkahwin sewaktu berumur 22 tahun di Malaysia. Isterinya masih lagi perempuan keturunan Minangkabau tetapi telah dilahirkan di Malaysia. Kesemua anak beliau dilahirkan di Malaysia. Malah, kesemua anak beliau merupakan warganegara Malaysia. Beliau sendiri telah mendapat kerakyatan Malaysia.

Keadaan yang sama berlaku kepada Sukardi b. Sukan³¹ yang juga memilih isterinya daripada keturunan Minangkabau. Namun begitu perkenalannya beliau dengan isterinya terjadi di Malaysia. Beliau juga melangsungkan perkahwinan dengan isterinya di Malaysia. Mereka telah dikurniakan dua orang anak yang merupakan warganegara Malaysia.

³⁰ Temubual pada 13.4.96

³¹ Temubual pada 17.4.96.

Justeru itu, semasa mereka merantau ke Malaysia mereka masih lagi bujang, tetapi apabila sampai ke Malaysia dan sudah tinggal beberapa tahun di sini, timbul keinginan untuk mendirikan rumahtangga. Ada yang memilih wanita yang berketurunan Minangkabau tetapi ada juga yang memilih penduduk tempatan.

Misalnya, Nurdin b. Borhan³² telah memilih wanita tempatan dari Johor sebagai pasangannya. Beliau telah dikurniakan 4 orang anak. Namun begitu, semasa beliau merantau ke Malaysia beliau masih lagi bujang. Cuma setelah sampai ke Malaysia dan kedudukan ekonomi diri semakin teguh barulah mereka mendirikan rumahtangga.

Terdapat juga di antara mereka yang mendirikan rumahtangga di Sumatera sebelum datang ke Malaysia. Justeru itu, selepas sahaja kedudukan ekonomi diri berada dalam keadaan yang baik, barulah isteri yang ditinggalkan di Sumatera di bawa ke Malaysia. Misalnya, Azwir b. Saini³³ yang telah berkahwin di Sumatera semasa beliau merantau ke Malaysia.

Apabila kedudukannya teguh dalam bidang ekonomi, beliau telah membawa isterinya ke Malaysia pada tahun 1982 iaitu setahun selepas beliau datang ke Malaysia. Beliau mempunyai 4 orang anak yang dilahirkan di Malaysia dan juga warganegara Malaysia.

³² Temubual pada 13.4.96.

³³ Temubual pada 13.9.96.

Keadaan yang sama berlaku juga kepada Mohd Lubis Minang³⁴ yang merantau ke Malaysia pada tahun 1982. Kedatangannya adalah bersama dengan anaknya yang baru berusia 11 tahun ke Kuala Lumpur. Isterinya ditinggalkan di Sumatera. Apabila telah berjaya membuka kedai jahitannya sendiri, barulah beliau mengambil isterinya di Sumatera Barat untuk membantu kerja-kerjanya di kedai miliknya.

Bagi Hassan Basri b. Deraman³⁵ pula, kedatangannya ke Malaysia adalah bersama dengan isterinya pada tahun 1983. Kedua-duanya menaiki kapal terbang dan kedatangannya ke Malaysia juga telah disambut dengan sanak-saudaranya di kampung Datuk Keramat.

Ada juga perantau yang semasa merantau ke Malaysia masih lagi bujang, tetapi apabila pulang ke Sumatera Barat, Bustanil b. Basir³⁶ telah dipinang oleh isterinya. Justeru itu, oleh kerana pandangan masyarakat Minangkabau yang memandang tinggi kepada orang yang merantau, maka beliau telah dipinang. Perkahwinan beliau telah diatitkan oleh kaum-keluarganya di Pariman, Sumatera Barat. Isterinya seorang keturunan Minangkabau dan tidak lama kemudian, beliau membawa isterinya ke Malaysia.

Terdapat juga perantau yang masih bujang yang merantau ke Malaysia. Misalnya, John Ariff b. Hussein³⁷, Andy Kurniawan b. Shamsul Bahri³⁸ dan Mazwar b. Abu Haq³⁹.

³⁴ Temubual pada 17.4.96.

³⁵ Temubual pada 17.4.96.

³⁶ Temubual pada 17.4.96.

³⁷ Temubual pada 14.4.96.

³⁸ Temubual pada 14.4.96.

³⁹ Temubual pada 16.4.96.

yang masih lagi bujang semasa merantau ke Malaysia. Malah, mereka masih lagi bujang dan masih lagi muda.

Ada juga perantau yang berstatus duda yang merantau ke Malaysia. Mardjohan b. Mohd Shariff⁴⁰ tidak lagi mempunyai isteri kerana isterinya telah meninggal dunia. Isterinya meninggal dunia pada tahun 1978 di Medan, Sumatera. Namun begitu, beliau tetap terus merantau ke Malaysia. Walaupun beliau telah kematian isteri, tetapi beliau masih lagi tidak mencari penggantinya dan masih lagi tetap berstatus duda. Beliau mempunyai 10 orang anak.

Justeru itu, terdapat pelbagai jenis perantau sama ada yang telah berkahwin di Sumatera mahupun masih bujang ataupun yang melangsungkan perkahwinan di Malaysia mahupun yang duda. Keadaan ini menggambarkan betapa pentingnya merantau dalam diri orang-orang Minangkabau.

4.6 Hubungan dengan Kampung.

Walaupun telah merantau ke Malaysia, terdapat hubungan yang masih lagi terjalin antara keluarga di Sumatera dengan para-perantau di Malaysia. Hubungan yang terjalin ini, merupakan hubungan yang berbentuk menziarahi sanak-saudara yang masih lagi ada di kampung dan yang masih lagi hidup.

⁴⁰ Temubual pada 14.4.96.

Situasi ini terjadi kepada Mohd Nor b. Jelahab⁴¹ yang sentiasa balik ke kampungnya di Sumatera Barat. Setiap tahun bermula pada tahun 1974 hinggalan pada tahun 1988, beliau akan pulang ke kampung. Terutamanya pada Hari Raya Puasa. Tujuan beliau pulang adalah kerana kedua-dua ayahnya masih lagi hidup. Justeru itu, adalah menjadi kewajipannya itu untuk melawat ayah dan ibunya itu.

Ingatan terhadap kampung juga ada dalam jiwa Abdul Ghaffar b. Shafie⁴². Beliau yang mula sampai ke Malaysia pada tahun 1980 telah balik ke Bukit Tinggi, Sumatera pada setiap tahun. Beliau balik dengan menaiki kapal terbang. Tambahan pula beliau mempunyai keluarga di sana. Justeru itu, kepulangannya itu adalah untuk melepaskan rindu kepada keluarga di Sumatera. Boleh dikatakan bahawa tujuan beliau balik adalah untuk melihat keadaan keluarga di Sumatera dan sekaligus menziarahi mereka.

Pulang ke kampung juga penting apabila berlaku peristiwa yang penting di dalam keluarga. Kepulangan tersebut perlu dilakukan kerana ianya penting dan merupakan satu tanggungjawab yang harus dipenuhi. Misalnya, Mardjohan b. Mohd Shariff, telah pulang ke Sumatera kerana menguruskan perkahwinan anaknya pada tahun 1978.

Kepulangannya untuk bersama-sama dalam upacara perkahwinan anaknya menggambarkan bahawa tanggungjawab sebagai ayah terhadap anaknya tidak pernah lupa

⁴¹ Temubual pada 13.4.96.

⁴² Temubual pada 15.4.96.

tetapi dianggap sebagai tanggungjawab yang perlu dipenuhi olehnya. Kebetulan pula pada tahun yang sama isterinya meninggal dunia di Sumatera. Justeru itu, kepulangannya itu adalah berdasarkan kepada peristiwa penting yang berlaku dalam hidup Mardjohan b. Mohd Shariff.

Situasi yang sama juga berlaku kepada Azwir b. Saini⁴³ yang pulang ke kampung bersama isterinya kerana melawat sanak saudara terutamanya ayah mertua kepada Azwir b. Saini yang telah berada dalam keadaan yang sakit.

Semenjak berada di Malaysia pada tahun 1981, beliau telah pulang ke kampung sebanyak 3 kali. Malah, beliau pernah pulang ke kampung kerana kematian ayah mertuanya di Sumatera. Justeru itu, peristiwa penting yang melibatkan sanak-saudara dirasakan amat penting dan perlu di beri keutamaan yang penting.

Malah, kerana rasa rindu terhadap kampung juga telah mendorong Mohd Nor b. Jelahab⁴⁴, Mardjohan b. Mohd Shariff⁴⁵, Bustanil b. Basir⁴⁶ dan Nurdin b. Burhan⁴⁷, tetap pulang ke kampung masing-masing. Rasa rindu dilepaskan dengan mengunjungi saudara-mara di kampung.

⁴³ Temubual pada 13.9.96.

⁴⁴ Temubual pada 13.4.96

⁴⁵ Temubual pada 14.4.96.

⁴⁶ Temubual pada 17.4.96.

⁴⁷ Temubual pada 13.4.96.

Kepulangan perantau ke kampung bagi melepaskan rasa rindu ada di ceritakan oleh Nurdin b. Borhan⁴⁸ yang telah pulang ke Pariman pada tahun 1989. Beliau yang telah merantau ke Malaysia pada tahun 1977, telah melihat perubahan yang telah berlaku ke atas kampungnya. Perubahan yang berbentuk pembangunan itu dirasakan cukup pesat dan cepat sehinggakan beliau sendiri merasa seperti pertama kali menjejak kaki di kampungnya itu.

Hubungan yang timbal-balik juga berlaku dalam keluarga Mardjohan b. Shariff⁴⁹. Beliau yang telah merantau ke Malaysia pada tahun 1978, telah menerima kunjungan dari anak-anaknya yang berada di Medan, Sumatera. Kunjungan ini adalah seperti lawatan seorang anak untuk melihat keadaan ayah yang lebih merupakan suatu tanggungjawab.

Melalui hubungan tersebut akan dapat lagi mengeratkan perhubungan sesama keluarga yang menjadikan lebih mesra dan akrab. Justeru itu, di kedai jahitnya di Pasar Keramat, beliau di bantu oleh anaknya dari Medan, bagi menguruskan perniagaan kedainya di pasar Keramat.

Manakala bagi mereka yang masih lagi bujang seperti Andi Kurniawan b. Shamsul Bahri,⁵⁰ beliau akan pulang juga ke kampung halamannya dan tidak akan menetap di Malaysia. Kedatangannya adalah bersifat sementara sahaja. Beliau telah pulang sekali sahaja di Sumatera semenjak merantau ke Malaysia pada tahun 1993.

⁴⁸ Temubual pada 13.4.96.

⁴⁹ Temubual pada 17.4.96.

⁵⁰ Temubual pada 14.4.96

Justeru itu, boleh dikatakan walaupun orang-orang Minangkabau telah merantau ke Malaysia, tetapi hubungan dengan kampung tetap dirasakan. Malah, hubungan yang bersifat menziarahi sanak-saudara di Sumatera dan berlakunya hubungan balas seperti manziarahi keluarga di Malaysia menandakan bahawa perhubungan antara keluarga amatlah penting dalam masyarakat perantau.

4.7 Kesimpulan

Para-perantau Minangkabau mempunyai corak kehidupan yang tersendiri. Golongan perantau Minangkabau boleh dikatakan akan berjumpa dengan sanak-saudara mereka yang berada di Malaysia sebelum berjaya berdiri di atas kaki sendiri. Peranan sanak-saudara amat penting bagi golongan perantau kerana pada merekalah, tempat berlindung semasa mula tiba di Malaysia. Manakala proses penyesuaian diri pula tidak mengambil masa yang lama kerana para-perantau Minangkabau adalah golongan yang bijak bergaul dengan penduduk tempatan. Sehubungan dengan itu, walaupun orang-orang Minangkabau telah sampai pada abad ke 20 ini, namun mereka tetap meneruskan tradisi nenek-moyang mereka sebagai peniaga sama ada kescil-kecilan mahupun yang sederhana.

BAB 5

BAB 5

KESIMPULAN

Merantau merupakan adat budaya masyarakat Minangkabau yang telah wujud sejak turun-temurun. Sukar untuk mengenalpasti bilakah masyarakat Minangkabau mula merantau ke Malaysia. Cuma yang dapat membantu melalui catatan-catatan orientalis barat yang mengunjungi Melaka pada zaman kegemilangan Melaka di sekitar abad ke 14 dan 15 M. Arus merantau di kalangan masyarakat Minangkabau tidak terhenti pada sesuatu ketika. Sebaliknya, merantau tetap terus berlaku sehingga akhir abad ke 20 ini, malah kegiatan merantau bukan sahaja tertumpu ke Malaysia, tetapi ke kota-kota besar seperti di Jakarta, Palembang, Pekan Baru, Riau, Singapura, Thailand dan juga berkemungkinan ke seluruh dunia.

Kegiatan merantau yang terus-menerus berlaku sehingga sekarang adalah seolah-olah kegiatan ini telah menjadi ciri khas bagi masyarakat Minangkabau berbanding dengan bangsa lain di dunia ini. Kegiatan merantau seolah-olah sudah

sehati dengan budaya masyarakat Minangkabau sehinggakan istilah merantau cukup terkenal di kalangan masyarakat Minangkabau.

Walaupun merantau adalah dianggap sebagai adat budaya masyarakat Minangkabau, rata-rata daripada responden yang ditemui oleh pengkaji inginkan kehidupan yang lebih baik berbanding di Sumatra Barat. Golongan perantau yang meninggalkan kampung halaman di Sumatra Barat, akan mencari pekerjaan yang boleh menjamin kehidupan mereka di rantau.

Justeru itu, golongan perantau yang meninggalkan kampung halaman di Sumatra Barat akan mencari pekerjaan yng boleh menjamin kehidupan mereka di rantau. Malah ramai di antara para-perantau dari Sumatra Barat mahupun Sumatera mempunyai daya juang yang tinggi untuk hidup di perantauan. Ketabahan mereka mengharungi hidup di perantauan mencerminkan sikap perantau yang berani menghadapi segala macam cabaran dan masalah dalam menempuh kehidupan di perantauan.

Keadaan politik dan ekonomi Malaysia yang stabil dan makmur telah menarik minat para perantau Minangkabau merantau ke Malaysia. Tambahan pula dengan keadaan geografi yang tidak jauh berbeza dengan Sumatra Barat memudahkan lagi proses penyesuaian diri para perantau. Begitu juga dengan penggunaan Bahasa Melayu

di Malaysia yang tidak jauh berbeza dengan bahasa Indonesia menyebabkan para perantau di Minangkabau mudah bergaul dengan rakyat Malaysia.

Justeru itu, Malaysia merupakan destinasi yang cukup digemari oleh golongan perantau dari Minangkabau. Malah sejarah merantau yang turun temurun dan pertalian kekeluargaan yang wujud di antara masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat dengan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan menggalakkan lagi proses merantau ke Malaysia.

Merantau juga membantu mendewasakan orang-orang Minangkabau yang pergi meninggalkan kampung halaman. Banyak pengalaman yang ditempuhi sepanjang proses merantau dan pengalaman di rantauan menambahkan lagi keyakinan diri serta meluaskan pengetahuan yang ada pada diri individu perantau. Justeru itu, merantau adalah cara untuk memperkayakan ilmu dan pengalaman yang ada pada diri.

Sehubungan dengan itu, para-perantau dapat merasai suasana kehidupan yang baru berbanding dengan keadaan hidup mereka di kampung asal mereka. Golongan perantau Minangkabau akan mencari pekerjaan yang sesuai dan umunnya yang bercorak perniagaan kecil-kecilan bergantung kepada kemahiran individu yang ada pada diri mereka.

Mereka menjalankan perniagaan seperti menjahit, membuat songkok, membuka restoran, tukang emas dan juga peniaga-peniaga di pasar-pasar malam serta di kaki-kaki lima, merupakan sifat-sifat orang Minangkabau yang suka berdikari dalam menjalani kehidupan di rantau.

Ketahanan dan ketabahan diri para-perantau membantu mereka mengharungi kehidupan di rantau. Maka tidak hairanlah sekiranya orang-orang Minangkabau tetap meneruskan kehidupan mereka di Malaysia walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Tambahan pula dengan pengaruh merantau yang cukup kuat di kalangan masyarakat Minangkabau sehinggakan mereka yang pernah pergi merantau akan dihormati dan dipandang tinggi.

Pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat, menandakan bahawa merantau tidak terhad kepada peringkat umur yang tertentu. Malah, mereka yang merantau akan tetap merantau selagi ada kemahuan dalam diri. Justeru itu, ada di antara mereka yang merantau sudah terdedah dengan kegiatan ini sejak di usia yang cukup muda sekali. Malah, ada di antara mereka yang berumur lapan tahun sudah mengikuti ayah untuk pergi merantau. Keadaan ini menandakan bahawa sejak dari kecil lagi masyarakat Minangkabau telah didedahkan dengan kegiatan merantau ini.

Merantau memberi makna yang mendalam dalam masyarakat Minangkabau. Merantau tidaklah setakat pergi meninggalkan kampung halaman sahaja, tetapi

suasana semasa menghadapi kehidupan di perantauan yang memerlukan ketabahan diri serta berusaha meningkatkan kehidupan atau mencari kemajuan diri.

Merantau tetap akan terus berlaku dalam masyarakat Minangkabau. Keadaan ini adalah disebabkan oleh arus merantau yang tidak ada hentinya semenjak dari abad yang ke 14 dan 15 lagi. Justeru itu merantau seolah-olah sudah berakar umbi dalam budaya masyarakat Minangkabau. Merantau sudah tidak dapat dipisahkan lagi dengan masyarakat Minangkabau. Sehubungan dengan itu, pengkaji menganggap bahawa merantau merupakan ciri-ciri khas bagi masyarakat Minangkabau.

Walaupun terdapat beberapa faktor yang lain yang menolak orang-orang Minangkabau pergi merantau ke Malaysia, namun pengaruh merantau yang kuat dalam budaya masyarakat Minangkabau menyebabkan proses merantau terus-terusan berlaku. Sesiapa yang pergi merantau dipandang tinggi oleh masyarakat Minangkabau dan galakan merantau yang datang dari dalam masyarakat Minangkabau menyebabkan kuatnya semangat untuk pergi merantau. Justeru itu, mereka yang pergi merantau merupakan golongan yang cukup dihormati oleh masyarakat Minangkabau.

Sehubungan dengan itu, proses merantau ke Malaysia merupakan lanjutan daripada generasi orang-orang Minangkabau yang pernah merantau ke Tanah Melayu pada abad yang terdahulu. Jiwa orang-orang Minangkabau tetap merupakan jiwa perantau. Ciri inilah yang amat istimewa yang ada dalam masyarakat Minangkabau.

Malah, merantau dianggap suatu perkara yang amat perlu dilakukan oleh masyarakat Minangkabau terutamanya oleh orang laki-laki. Justeru itu, oleh kerana jiwa orang-orang Minangkabau yang telah tersemat dengan jiwa perantau, maka arus merantau tetap akan terus berlaku dalam masyarakat Minangkabau.

Ada juga perantau yang telah bermukim di Malaysia. Mereka ingin terus menetap di Malaysia setelah menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa. Justeru itu, mereka telah menganggap bahawa Malaysia adalah negara mereka. Mereka berkahwin dan mempunyai keluarga di Malaysia. Golongan perantau menganggap bahawa walaupun mereka tinggal di Malaysia tetapi sanak-saudara di Sumatera Barat tetap mereka tidak lupakan. Malah, hubungan dengan kampung tetap diteruskan melalui ziarah-menziarahi sanak-saudara di Sumatera Barat.

Lantaran itu, merantau dianggap sebagai suatu fenomena sosial bagi masyarakat Minangkabau. Merantau adalah suatu budaya yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau. Malah, merantau adalah suatu kegiatan yang amat dibanggakan oleh masyarakat Minangkabau dan selagi itulah ianya akan tetap berlaku dalam masyarakat Minangkabau.

Sungguhpun berlaku tekanan politik pada abad ke 19 dan awal 20, menyebabkan aliran keluar masyarakat Indonesia ke Malaysia dan Singapura, namun

kalau tidak adanya jiwa merantau dalam diri orang-orang Minangkabau, tentunya mereka tidak akan merantau. Sebaliknya, dorongan merantau yang telah wujud dalam adat Minangkabau yang mementingkan kegiatan merantau menyebabkan merantau dianggap sebagai proses yang perlu dilakukan oleh kaum laki-laki Minangkabau. Justeru itulah, kesedaran merantau bagi orang-orang lelaki Minangkabau tetap terus berlaku walaupun Indonesia adalah sebuah negara yang bebas dari penjajahan tetapi diperintah oleh rakyat peribumi sendiri.

Justeru itu, merantau tetap terus berjalan sehingga akhir abad ke 20 ini. Malah, kesedaran merantau tentang peri-pentingnya merantau tetap wujud dalam masyarakat Minangkabau. Kemungkinan kegiatan merantau tetap terus berlaku sekiranya adat merantau yang sudah menyelubungi masyarakat Minangkabau tetap diikuti dan diamalkan. Sehubungan dengan itu, selagi adanya masyarakat Minangkabau yang memegang tradisi merantau dan menyanjunginya, selagi itulah merantau tetap terus berlaku sampai bila-bila.

RUJUKAN

BUKU

Abdul Rahman Haji Ibrahim. 1964. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas.

Abdullah Taufik. 1966. Adat dan Islam An Examination of Conflic in Minangkabau. New York: Cornell University Press.

Ahmad Batuah. 1956. Tambo Minangkabau dan Adatnya. Jakarta: Balai Pustaka.

Bachthiar Mansoer. 1958. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: Balai Pustaka.

Cortesao, A. (ed). 1971. The Suma Oriental of Tom Pires. Jilid 2. London: The Hakluyt Society.

Dahm. B. 1971. The History of Indonesia in The Twentieth Century. Pall Mall Press.

Dixon B. R. 1951. Primitive Migration dalam Encyclopedia of The Social Science. Vol IX ed.

De Josselin de Jong. 1960. Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia. Jakarta: Bharatara.

_____. 1971. The Dynastic Myth of Negeri Sembilan. belum diterbitkan.

Encyclopedia Indonesia Sari Geografi. 1990. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: P.I Ichtiar Baru Van Hoevei.

Encyclopedia of The Social Science. 1951. vol IX. ed., s.v. "Migration" and "Mobility.

Hamka. 1963. Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi. Jakarta: Tekad.

_____. 1952/53. Kenang-Kenangan Hidup. Jakarta: Galzuira.

Harrison T.1970. The Malay of The South West Serewak Before Malaysia Socoi-Ecological Survey. Mc Millan.

Lange H.M. 1852. Het Nederlandsch Oost. Indisch Leger ter Westkust van Sumatra (1819-1845). s`Hertogenbosch.

Leu D. and Feith H. 1963. The End of The Indonesia Rebellion. Pacific Affair. No. 1. Spring.

Leur Van J. C. 1955. Indonesian In Trade and Society. The Hague: W. Van Hoevei.

Loeb M.E. 1972. Sumateras Its History & People. Kuala Lumpur/Singapore: Oxford University Press.

Maraden. 1962. The History of Sumatera. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mochtar Naim. 1984. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Mohd Dahlan Mansoer. ed al . 1970. Sedjarah Minangkabau. Jakarta: Penerbitan Bhrata.

Muhammad Radjab. 1954. Perang Padri Di Sumatera Barat (1803-1838). Jakarta: Perpustakaan Kementerian Kem P.P.

_____. 1974. Semasa Ketcil Di Kampung. Jakarta: Balai Pustaka.

Nalters. O.W.1970. The Fall of Srivijaya In Malay History. Ithaca: Cornell University Press.

Najeeb Saleeby. 1908. The History of Sulu. Manila: Bureau of Printing.

N. St. Iskandar.1966. Pengalaman Masa Ketcil. Djakarta: Balai Pustaka.

Pires Tom. 1944. Suma Oriental, tr. and ed. by Armando Cortesao. London:Hakklyut Society.

Purwadarminta. 1966. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka.

Sartono Kartodijo. 1975. Sejarah Nasional Indonesia. Jakarta: Jabatan Pendidikan & Kebudayaan.

Schrieke B. 1955. The Causes and Effects of Comunism On The West Coast of Sumatra. Dlm Sociological Studies. The Hague: W. Van Hoeve.

Sihorbing, H. 1958. Pembinaan Hukum Waris dan Hukum Tanah Di Minangkabau. Dlm Mochtar Naim (ed), Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau. Padang: CMS.

Teuku Iskandar. 1970. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tate DJM. 1971. The Making of Modern South East Asia. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Winstedt R.O. 1960. Kamus Bahasa Melayu, Singapore.

Wilkinson. 1971. Papers On Malay Subjects. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tesis

Abdullah Taufik. 1969. Minangkabau 1900-1927. Preliminary Studies In Social Development. M. A. Thesis. University of Cornell

Tunku Shamsul Bahrin. 1964. The Indonesia In Malaya. M.A. Thesis. University of Shellfield.

Laporan

Del Tufo. 1949. A Report On The 1947. Census of Population. London. The Government Printer.

Journal

A.B. Ramsey. 1954. The Indonesia in Malaya. Dlm JMBRASS, Volium XXIX, Part 1

Khoo Kay Kim. 1972. Sejarah Tempatan. Penjelidik. Jil 11. Bil 1.

Mochtar Naim. Jun 1973. Perkembangan Kota-kota di Sumatera Barat. Prisma II. No. 3.

Winstedt R. O. May 1955. An Old Minangkabau Legal Digest From Perak. Dlm JMBRASS. Volium VIII.

Kertas Kerja

Mohd Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tujuan Kajian Sejarah dan Kebudayaan. Dlm Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Seremban: Majlis Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

Akhbar.

Majlis 2 Mac 1944

Bahan Tdak Terbit.

Selangor State Secretariat Files 1945-1946.

Glosari

anak buah	:	anak saudara
Federal	:	Pusat
Kabupaten	:	Istana
Koto	:	Kota
Nagari	:	Negeri
Matrilineal	:	garis keturunan sebelah ibu
Patrilineal	:	dari ayah ke anak
Samende	:	satu ibu

Senarai Responden

Nama : Azwir b. Saini.
Umur : 41 tahun.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai makan.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Tingkat 2,
Pusat Bandar, Taman Keramat,
Ampang, Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4 .1996.

Nama : Abdul Ghaffar b. Shafie.
Umur : 64 tahun.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Tukang Jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 46, Lorong Keramat Dalam 7,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 15.4.1996

Nama : Andi Kurniawan b. Shamsul
Umur : 25 tahun.
Asal : Medan, Sumatera.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 208, Malay Mension,
Jalan Masjid India,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Bustanil b. Basir.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 33 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lorong kiri 19,
No. 468, Kampung Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Hassan Basri b. Deraman.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 48 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Jalan 20A, No. 20,
Selayang Baru,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Nurdin b. Borhan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 40 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lot 55422, Kampung Padang Balang,
Sentul, Selangor.

Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Khuzaimah bt. Khatib.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 41 tahun.
Pekerjaan : Tukang masak.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mardjohan b. Mohd Shariff.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 67 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Duda.
Alamat : M.D.Djohan Tailoring,
No. 633, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Mohd Anuar b. Haji Shulan.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan pertukangan emas.
Status : Berkahwin.
Alamat : No.645, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mohd Nor b. Jelahab.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 66 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit dan songkok.
Status : Berkahwin.
Alamat : No.16, Lorong Raja Bot,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Mohd Zubir Minang.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 58 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 17.4, 1996

Nama : Sukadi b. Sukan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Tukang jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Tanjung Tailoring,
16, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4. 1996.

Nama : John Ariff b. Hussein.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 24 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 209K2, Jalan Hamzah,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Zuikhairi b. Mohd Zubir.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Membantu perniagaan ayah dan sebagai tukang jahit.
Status : Bujang.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat, 54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mazwar b. Abu Haq.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : No. 33, Aked Chow Kit,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 16.4.1996.